

BAB 6

ANALISIS KOHESI RUJUKAN

Dalam bahagian ini, akan dibentangkan hasil analisis kohesi wacana berita politik. Dalam menganalisis data, kaedah yang diikuti ialah yang dicadangkan oleh Halliday dan Hasan (1976) dengan sedikit pengubahsuaiannya untuk disesuaikan dengan teks bahasa Melayu. Aspek-aspek utama yang dikaji ialah jenis alat kohesif yang digunakan bagi mewujudkan kohesi teks, bagaimana alat tersebut digunakan, fungsinya dan arah yang dirujuk oleh alat kohesif rujukan.

Kajian terhadap jenis alat kohesif yang digunakan melibatkan kajian terhadap kohesi rujukan serta item-item yang terkandung di dalamnya. Bagaimana alat kohesif tersebut digunakan melibatkan kajian terhadap penggunaannya dalam ayat berita. Penelitian terhadap fungsi kohesif alat tersebut dilakukan ketika menghuraikan cara alat-alat tersebut digunakan. Akhir sekali, arah yang dirujuk oleh alat kohesif rujukan dilihat sama ada ia merupakan rujukan ke hadapan (rujukan anafora) atau rujukan ke belakang (rujukan katafora).

Pembentangan bab ini dibuat mengikut arah yang dirujuk oleh alat kohesif tersebut iaitu rujukan anafora dan rujukan katafora dan dimulakan dengan huraian tentang kohesi rujukan sebagai latar belakang analisis.

Setiap bahasa mempunyai unsur rujukannya tidak terkecuali bahasa Melayu, seperti yang diperkatakan oleh Halliday dan Hasan,

There are certain items in every language, which have the property of reference,... i.e., instead of being interpreted semantically in their own right, they make reference to something else for their interpretation.

(Halliday dan Hasan, 1976: 31)

Seperti yang telah dihuraikan dalam 2.2.1, rujukan mempunyai dua jenis iaitu rujukan endofora dan rujukan eksofora. Antara kedua-dua jenis rujukan ini, hanya rujukan endofora yang bersifat kohesif, kerana ia menyatukan satu bahagian dengan bahagian yang lain untuk membentuk satu teks. Salkie (1995: 60) juga sependapat iaitu rujukan tekstual merupakan sejenis rujukan yang memberi sumbangan bagi menghasilkan tautan dalam teks.

Rujukan endofora selanjutnya boleh dihuraikan dengan melihat arah rujukan, iaitu sama ada ke hadapan atau ke belakang di dalam teks. Dalam hal ini, rujukan endofora boleh menjadi rujukan anafora (*anaphora*) apabila rujukan itu melihat ke belakang atau kembali kepada item yang sudah disebut sebelumnya (Syamsudin, 1992: 86) atau menjadi rujukan katafora (*cataphora*) apabila rujukan itu melihat ke hadapan atau kepada item yang berikutnya. Kedua-dua rujukan ini, iaitu anafora dan katafora membantu dalam menghasilkan sebuah wacana yang bertaut dengan menggunakan butiran tertentu.

Sebagai unsur kohesif, rujukan mempunyai hubungan semantik. Ia berfungsi sebagai satu bentuk-pro (*pro-form*) yang mengenal pasti seseorang atau sesuatu benda yang dinyatakan di dalam teks itu sama ada bersifat anafora atau katafora atau kedua-duanya sekali. Dalam analisis rujukan ini, terdapat tiga jenis ikatan kohesif yang telah ditemui iaitu rujukan diri, rujukan penunjuk dan rujukan perbandingan.

Merujuk pada rujukan diri, fungsi kohesif kata ganti nama dalam bahasa Melayu pada dasarnya tidak berbeza dengan bahasa Inggeris. Menurut Gutwinski (1976: 63) dan Halliday dan Hasan (1976: 48), hanya ganti nama diri orang ketiga yang bersifat kohesif dan lazimnya ganti nama diri orang ketiga ini merujuk secara anaforik kepada sesuatu butiran terdahulu yang terdapat dalam teks. Ganti nama diri orang pertama dan kedua, kebiasaannya tidak merujuk pada teks. Jika dirujuk pada hasil analisis taburan kekerapan rujukan diri (lihat Jadual 5.4 pada bahagian 5.3.1.1) didapati ganti nama diri orang ketiga mempunyai peratusan taburan yang paling banyak (sebanyak 717 atau 0.80 peratus) dibandingkan dengan ganti nama diri orang pertama dan kedua.

Rujukan ganti nama diri orang pertama dan kedua dapat dijelaskan melalui peranan yang dimainkan oleh penutur dan pendengar dalam pertuturan. Oleh itu, ganti nama diri tersebut ditafsirkan secara eksoforik dengan merujuk kepada situasi, dan tidak bersifat kohesif. Kesimpulannya, pada dasarnya, bentuk ganti nama diri orang pertama dan kedua merujuk pada situasi, manakala ganti nama diri orang ketiga merujuk pada teks secara anaforik atau kataforik. Walau bagaimanapun, dalam bahasa tulisan, ganti nama diri orang pertama dan kedua

menjadi endoforik dan bersifat kohesif apabila terdapat dalam petikan cakap ajuk.

Hal ini ditegaskan oleh Halliday dan Hasan seperti berikut:

To summarize : personals referring to the speech roles (speaker and addressee) are typically exophoric : this includes I and you, we meaning 'you and I'. They become anaphoric, however, in quoted speech; and so are normally anaphoric in many varieties of written language, such as narrative fiction.

(Halliday dan Hasan, 1976: 50)

Said, (1988: 43), menyokong pendapat Halliday dan Hasan di atas, dengan menyatakan bahawa dalam analisisnya terhadap rujukan dalam bahasa Arab, beliau mendapati ganti nama diri orang pertama dan kedua pada kebiasaannya tidak merujuk pada teks. Rujukan ganti nama diri tersebut dijelaskan melalui peranan yang dimainkan oleh penutur dan pendengar dan oleh itu pada kebiasaannya ganti nama tersebut ditafsirkan secara eksafora dengan merujuk kepada situasi. Dengan itu, ganti nama diri pertama dan kedua adalah tidak kohesif. Walau bagaimanapun, ganti nama tersebut menjadi endofora dan bersifat kohesif apabila terdapat dalam petikan cakap ajuk, terutama dalam cereka berbentuk naratif.

Contoh rujukan anafora yang terdapat dalam kajian Said (1988: 44) adalah seperti berikut :

ma 'a dhama al-farqa bayna hadhayni al-waladayni
how great the-difference between these (two) boys - two

' innahumā shaqiqāni wa-lakinna al-farqa
they (two) brothers (two) and-but the-difference

baynahumā kabirun

between them-two big

'how great the difference between these two boys is. They are brothers, but the difference between them is big.'

Di sini, ganti nama diri *huma* dalam *innahuma* dan *baynahuma* merujuk kepada *al-waladayni* dalam ayat sebelumnya. Said dalam analisisnya juga mendapati, dalam bahasa Arab, ganti nama diri orang ketiga boleh mempunyai rujukan katafora. Namun begitu, dalam kebanyakan kes, didapati oleh kerana perkara yang dirujuk itu (*the referent*) dan ganti nama diri yang merujuk perkara tersebut terdapat dalam klausanya yang sama, oleh itu rujukan tersebut tidak kohesif.

Contoh yang diberikan oleh beliau ialah :

shaqiyyatun hiya al-hayāt al-latī yahyāhā al-musharradun.
miserable it the-life that live-it the-homeless

'miserable is the life that homeless live.'

Dalam contoh ini, ganti nama diri *hiya* merujuk secara katafora kepada *al-hayat* 'life', tetapi oleh kerana ganti nama diri dan rujukannya terdapat dalam klausanya yang sama, oleh itu ganti nama diri tersebut dianggap tidak kohesif.

Menurut Said lagi, walau bagaimanapun ganti nama diri orang ketiga (lelaki dan perempuan) terutama yang mempunyai akhiran /-hu/ dan /-ha/, mempunyai rujukan kohesif tertentu yang tidak dipunyai oleh kata ganti nama orang ketiga yang lain.

Dalam korpus yang dikaji didapati kesemua rujukan diri, rujukan penunjuk dan rujukan perbandingan yang mempunyai rujukan anafora adalah kohesif, manakala yang mempunyai rujukan katafora adalah tidak kohesif. Dapatkan kajian ini juga bersamaan dengan dapatan Said berhubung dengan rujukan kataforik yang tidak kohesif kerana dalam kebanyakan kes, perkara yang dirujuk itu dan kata ganti nama diri, penunjuk dan perbandingan yang merujuk perkara tersebut terdapat dalam klausa yang sama.

Contoh dari data untuk menunjukkan rujukan anafora yang kohesif adalah seperti berikut:

TU 079

- (a) Tindakan beberapa kedutaan asing menghadiri taklimat tertutup Parti Keadilan Nasional (Keadilan) mengenai isu Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Khamis lalu telah mencampuri urusan politik dalam Negara ini, kata **Menteri Luar, Datuk Syed Hamid Albar**.
- (b) **Beliau** berkata, taklimat oleh Presiden Keadilan, Datin Seri Dr. Wan Azizah Ismail itu bukanlah mesyuarat tahunan parti pembangkang atau mesyuarat yang terbuka kepada semua orang.

- (a) **Menteri Luar, Datuk Syed Hamid Albar.**
- (b) **Beliau**

Kata ganti nama **beliau** dalam ayat (a) di atas mempunyai rujukan yang sama dengan kata nama khas **Menteri Luar, Datuk Syed Hamid Albar**. Oleh kerana butiran rujukan tersebut terdapat dalam teks, oleh itu rujukan tersebut adalah kohesif.

Contoh dari data untuk menunjukkan rujukan katafora yang tidak kohesif adalah seperti berikut:

TB 176

(a) Mereka yang ditahan ialah (b) Naib Presiden Keadilan, Chua Tiang Chang; Ketua Pemuda Keadilan, Mohd Ezam Mohd Noor; bekas aktivis pelajar, Hishamuddin Rais; bekas Presiden Pertubuhan Jemaah Islah Malaysia, Saari Sungib; dan Penolong Setiausaha Keadilan, N Gobalakrishnan.

- (a) **Mereka.**
- (b) **Naib Presiden Keadilan, Chua Tiang Chang; Ketua Pemuda Keadilan, Mohd Ezam Mohd Noor; bekas aktivis pelajar, Hishamuddin Rais; bekas Presiden Pertubuhan Jemaah Islah Malaysia, Saari Sungib; dan Penolong Setiausaha Keadilan, N Gobalakrishnan.**

Dalam contoh di atas, kata ganti nama diri orang ketiga iaitu **mereka** (dalam ayat (a)) merujuk secara kataforik kepada **Naib Presiden Keadilan, Chua Tiang Chang; Ketua Pemuda Keadilan, Mohd Ezam Mohd Noor; bekas aktivis pelajar, Hishamuddin Rais; bekas Presiden Pertubuhan Jemaah Islah Malaysia, Saari Sungib; dan Penolong Setiausaha Keadilan, N Gobalakrishnan** yang terdapat dalam ayat (b). Tautan teks tidak berhasil daripada rujukan katafora ini kerana kata ganti nama diri orang ketiga iaitu **mereka** dalam contoh ini yang merujuk kepada **Naib Presiden Keadilan, Chua Tiang Chang; Ketua Pemuda Keadilan, Mohd Ezam Mohd Noor; bekas aktivis pelajar, Hishamuddin Rais; bekas Presiden Pertubuhan Jemaah Islah Malaysia, Saari Sungib; dan Penolong Setiausaha Keadilan, N Gobalakrishnan** terdapat dalam klausa yang sama.

6.1.1 Rujukan Anafora

Rujukan anafora bermaksud rujukan ke belakang terhadap sesuatu butiran yang telah pun dinyatakan sebelumnya. Butiran yang dirujuk itu boleh terdapat pada ayat sebelumnya, pada ayat yang awal atau mungkin pada petikan yang lebih panjang. Seperti yang dikatakan oleh Morley (1985: 77), "they may refer back to a variety of different sizes and types of element". Saiz dan jenis butiran yang dimaksudkan oleh Morley, ialah butiran yang dirujuk itu boleh terdiri daripada klausa, predikator + pelengkap/adjung, frasa nama dan adjung.

Dalam wacana berita politik yang dikaji, rujukan anafora ini boleh dilihat pada penggunaan rujukan diri, rujukan penunjuk yang merujuk unsur yang mempunyai rujukan yang sama dengannya, yang merupakan kata nama dan frasa nama dan rujukan perbandingan.

Di bawah ialah beberapa contoh rujukan anafora yang menggunakan rujukan diri, rujukan penunjuk dan rujukan perbandingan.

6.1.1.1 Rujukan Diri

Rujukan diri yang ditemui dalam korpus ialah kata ganti nama diri orang pertama, kata ganti nama diri orang kedua, kata ganti nama diri orang ketiga dan kata ganti nama diri tanya.

6.1.1.1.1 Kata Ganti Nama Diri Orang Pertama

Kata Ganti nama diri orang pertama yang ditemui dalam korpus ialah **saya, kami dan kita.**

(1) . **Kata Ganti Nama Diri : Saya**

(1) TB 132

. (a) **Perdana Menteri** berkata, pertemuan itu akan diadakan secara berasingan di ibu negara sebelum berakhir tempoh dua tahun Ketua Menteri sekarang, Datuk Osu Sukam, pertengahan bulan depan.

(b) "Saya hanya jumpa pemimpin Umno Sabah (dalam lawatan kali ini). Saya cadang jumpa pemimpin parti komponen BN Sabah yang lain kemudian. Saya akan minta mereka ke Kuala Lumpur dan jumpa seorang demi seorang," katanya.

(1a) **Perdana Menteri** berkata,

(1b) **Saya** hanya jumpa pemimpin Umno Sabah.

(1c) **Saya** cadang jumpa pemimpin

(1d) **Saya** akan minta mereka

Dalam korpus yang dianalisis, didapati kata ganti nama diri orang pertama yang merujuk secara anaforik, kebiasaannya terdapat dalam petikan yang mengandungi cakap ajuk. Dalam contoh (1) ini, kata ganti nama diri orang pertama **saya** (dalam ayat (1b), (1c) dan (1d)) merujuk secara anaforik kepada kata nama **Perdana Menteri** (dalam ayat (1a)) apabila ganti nama tersebut terdapat dalam petikan cakap ajuk. Oleh kerana butiran yang dirujuk itu terdapat dalam teks, oleh itu rujukan tersebut adalah kohesif. Kata ganti nama **saya** secara sendirian, tidak mempunyai rujukan. Ia menjadi ikatan kohesif apabila merujuk kepada **Perdana Menteri**.

(2) Kata Ganti Nama Diri : Kami

(2) TU 045

(a) Menurutnya, **polis** juga sedang memantau laman web yang menyiarkan jadual terperinci rancangan Pemuda Keadilan itu untuk mengadakan demonstrasi jalanan tersebut.

(b) “**Kami** memang memandang serius terhadap rancangan mana-mana pihak yang mahu mengadakan demonstrasi di tempat umum atau jalan raya sehingga mengganggu ketenteraman dan keselamatan awam,” katanya di sini hari ini.

(2a) Menurutnya, **polis** juga sedang memantau laman web...

(2b) **Kami** memang memandang serius...

Dalam contoh (2) di atas, didapati kata ganti nama diri **kami** dalam ayat (2b) berbentuk jamak merujuk secara anaforik kepada frasa nama **polis** dan kata ganti nama orang **-nya** dalam ayat (2a) yang merujuk kepada diri si penutur. Kata ganti nama diri **kami** tersebut hanya bersifat kohesif apabila ia terdapat dalam petikan cakap ajuk.

(3) Kata Ganti Nama Diri : Kita

(3) TB 180

(a) **Presiden Umno, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad**, berkata keputusan mengambil tindakan tegas, termasuk melaporkan kepada BPR supaya tindakan undang-undang boleh diambil, dipersetujui sebulat suara oleh **ahli MT**.

(b) “**Kita** akan memberi kerjasama sepenuhnya kepada BPR. (c) **Kita** berpendapat mereka yang terbabit dengan politik wang sebenarnya mengkhianati perjuangan parti dan tindakan yang keras harus diambil terhadap mereka.

(3a) **Presiden Umno, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.....ahli MT.**

(3b) **Kita.....**

(3c) **Kita.....**

Kata ganti nama diri **kita** jamak dalam contoh ayat (3b) dan (3c) merujuk secara anaforik kepada frasa nama **Presiden Umno, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad** dan **ahli MT** dalam ayat (3a). **Kita** di sini bermaksud penutur dan juga ahli MT. Dalam korpus yang dianalisis didapati kata ganti nama diri **kita** kerap digunakan bagi menggantikan kata ganti nama diri saya, terutama di dalam petikan cakap ajuk yang melibatkan penuturnya ialah para pemimpin kerajaan negeri. Kata ganti nama ini juga bersifat kohesif apabila digunakan dalam petikan cakap ajuk.

..

6.1.1.2 Kata Ganti Nama Diri Orang Kedua

Kata ganti nama diri orang kedua yang ditemui dalam korpus yang dianalisis ialah **kamu**. Kata ganti nama diri orang kedua dalam teks yang dikaji adalah kohesif apabila ia terdapat dalam petikan cakap ajuk. Contoh penggunaan kata ganti nama diri orang kedua iaitu **kamu** adalah seperti berikut:

- (1) **Kata Ganti Nama Diri : Kamu**
- (4) **TB 114**

Apabila (a) **seorang pemberita** berkata, kelewatan mengumumkan rombakan itu menyebabkan orang ramai membuat spekulasi, Dr. Mahathir menjawab:
(b)“**Kamu** boleh teka sebanyak mana yang **kamu** mahu. Ia tidak ada kesan.”

- (4a) **seorang pemberita** berkata ...
- (4b) **Kamu** boleh teka sebanyak mana yang **kamu** mahu.

Kata ganti nama diri kedua **kamu** dalam ayat (4b) di atas merujuk secara anaforik kepada frasa nama **seorang pemberita** dalam ayat (4a). Kata ganti nama ini juga bersifat kohesif apabila digunakan dalam petikan cakap ajuk.

6.1.1.3 **Kata Ganti Nama Diri Orang Ketiga**

Kata ganti nama diri orang ketiga, dalam wacana berita politik didapati bersifat anaforik. Kata ganti nama diri orang ketiga yang ditemui ialah **dia**, **ia**, **-nya**, **beliau**, dan **mereka**. Kata ganti nama diri orang ketiga dalam teks yang dianalisis adalah kohesif. Rujukan anafora kata ganti nama diri orang ketiga ini dapat dilihat pada contoh petikan di bawah :

(1) Kata Ganti Nama Diri : Dia

(5) TB 173

(a) “Jadi, bagi **Pas** mudah saja. (b) Apabila **dia** tak setuju, **dia** kata macam-macam kat orang, kafirlah, haramlah, sekularlah, ikut amalan Atartuklah. Macam-macam. Apa ada kepada **Pas** selain melempar fitnah kepada orang,” katanya.

(5a) Jadi, bagi **Pas** mudah saja.

(5b) Apabila **dia** tak setuju, **dia** kata macam-macam kat orang ...

Dalam contoh (5) di atas didapati kata ganti nama diri orang ketiga **dia** (dalam ayat 5(b)) merujuk secara anafora kepada kata nama khas **Pas** (dalam ayat (5a)) yang mempunyai komponen makna (+ bernyawa), (+ manusia) dan menyatakan tunggal dari segi semantik. **Dia** adalah tautan rujukan kepada **Pas**.

(2) Kata Ganti Nama Diri : ia

(6) TU 029

(a) **Kenyataan Dr. Mahathir** itu dibuat ketika pelbagai pihak mencari kepastian sama ada pertemuan yang dirancang Isnin ini, akan berjalan mengikut jadual. (b) **Ia** semakin menimbulkan tanda tanya apabila Jawatankuasa Teknikal Pas akan bermesyuarat lagi petang esok dan disusuli dengan sidang akhbar bagi mengumumkan keputusan parti itu.

(6a) **Kenyataan Dr. Mahathir** itu dibuat

(6b) **Ia** semakin menimbulkan tanda tanya

Dalam ayat (6b), **ia** merujuk secara anaforik kepada kata nama am **Kenyataan Dr. Mahathir** (dalam ayat (6b)). Menurut Asmah (1987 : 53), dalam bahasa laporan berita, kata ganti nama **ia** digunakan untuk merujuk kepada yang lain daripada orang, misalnya nama abstrak, institusi, binatang dan sebagainya. Dalam contoh ini, kata ganti nama diri **ia** merujuk kepada nama abstrak.

Dalam contoh (5) dan (6), kata ganti nama diri **dia** dan **ia** bertindak sebagai subjek untuk merujuk secara anaforik kepada sesuatu unsur yang serujukan yang mempunyai berbagai-bagai komponen makna. Penemuan yang sama didapati oleh Sato (1991: 61) dalam analisisnya terhadap *Hikayat Hang Tuah* yang mendapati bahawa contoh ini kerap ditemui dalam teks tersebut walaupun ia merupakan teks bahasa Melayu klasik. Contoh yang dipetik daripada Sato (1991: 60) bagi menunjukkan kata ganti nama **ia** bertindak sebagai subjek adalah seperti berikut:

“Setelah baginda mendengar sembah Bendahara demikian, maka baginda pun tersenyum seraya bertitah, ‘Mamak Bendahara, sungguhkah seperti khabar orang, ada konon **budak lima orang** tatkala itu, **ia** berdiri dihadapan mamak Bendahara, ialah membunuh orang mengamuk itu?’”

(3) Kata Ganti Nama Diri : -Nya

(7) TB 168

Khamis lalu, (a) **Ketua Penerangan Umno, Datuk Mustapa Mohamed**, berkata Umno menerima cabaran Pas untuk menyakinkan orang Melayu dan umat Islam di seluruh negara supaya tidak terpengaruh dengan Amanat Hadi yang menyeleweng daripada ajaran Islam.

(b) Menurutnya, Umno sedia berdebat secara intelektual dengan menggunakan hujah ulamanya untuk menangkis kandungan ucapan Abdul Hadi.

(7a) **Ketua Penerangan Umno, Datuk Mustapa Mohamed.**

(7b) **Menurutnya ...**

Dalam contoh (7) di atas, kata ganti nama **-nya** (dalam ayat (7b)) merujuk secara anaforik kepada kata nama **Ketua Penerangan Umno, Datuk Mustapa Mohamed** (dalam ayat (7a)). **-Nya** adalah bentuk klisis daripada kata ganti nama dia atau ia (Asmah, 1987: 51). Ganti nama **-nya** ini mempunyai bentuk terikat, yakni terikat pada awalan me(N)-. Teks ini mempunyai kohesi apabila kata ganti nama diri **-nya** merujuk pada kata nama khas Ketua Penerangan Umno, Datuk Mustapa Mohamed yang terdapat dalam perenggan sebelumnya.

(4) Kata Ganti Nama Diri : Beliau

(8) TU 080

(a) **Dr. Mahathir** juga mengingatkan ahli-ahli UMNO agar tidak terpedaya dengan hujah-hujah para pemimpin Pas dalam ceramah anjuran parti tersebut.

(b) **Beliau** juga berkata, Pas tidak memerdulikan mengenai perundingan perpaduan orang Melayu seperti yang dicadangkan oleh UMNO malah lebih gemar berceramah dan memaki para pemimpin UMNO.

(8a) **Dr. Mahathir.**

(8b) **Beliau.**

Kata Ganti nama **beliau** dalam ayat (8b) di atas mempunyai rujukan yang sama dengan kata nama khas **Dr. Mahathir** (dalam ayat (8a)), oleh itu wujud kohesi dalam teks ini. Dalam konteks ini, iaitu dalam wacana berita politik, kata ganti nama **beliau** diguna untuk merujuk seseorang individu yang berjawatan tinggi dan dihormati. Adalah menjadi kebiasaan kepada wartawan untuk tidak mengulang nama seseorang menteri atau orang kenamaan selepas diperkenalkan di dalam teks, sebaliknya akan mengulang nama tersebut dengan menggunakan rujukan **beliau**. Mengikut Kamus Dewan (1989: 120), **beliau** digunakan untuk orang tua atau orang yang dihormati. Dalam wacana berita politik, kata ganti nama **dia** tidak digunakan sebagai rujukan kepada individu yang dihormati sebaliknya **dia** digunakan untuk merujuk kepada individu yang kurang penting seperti dalam contoh berikut :

TU 100

Penangkapan ke atas **Badaruddin** itu menjadikan jumlah mereka yang ditangkap di bawah akta itu meningkat kepada 10 orang.

“**Dia** ditahan kira-kira pukul 8.50 pagi,” menurut satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Bahagian Perhubungan Awam Ibu Pejabat Polis Bukit Aman di sini hari ini.

Dalam petikan di atas kata ganti nama **dia** merujuk kepada **Badaruddin** yang merupakan seorang aktivis Suara Rakyat Malaysia (Suaram) seperti yang dinyatakan dalam perenggan sebelumnya. Dalam Kamus Dewan (1989: 280) **dia** digunakan untuk tujuan menegaskan atau merendahkan. Jika disebut **mendiakan**, ini bererti menyebut dia (dengan tujuan menghina, memandang rendah terhadap seseorang). Dengan itu, **dia** tidak digunakan untuk individu yang dihormati dalam korpus yang dikaji.

(5) Kata Ganti Nama Diri : Mereka

(9) TU 056

(a) Daripada 167 **orang yang masih ditahan** itu, sebanyak 98 melibatkan orang Melayu, India (57) dan Indonesia (12).

Dalam perkembangan berkaitan, Samy Vellu berkata, (b) **mereka** yang ditangkap pasti dibebaskan sekiranya siasatan polis mendapati **mereka** tidak terlibat dalam pergaduhan itu.

(9a) Daripada 167 **orang yang masih ditahan** itu.

(9b) **mereka** yang ditangkap pasti dibebaskan sekiranya siasatan polis mendapati **mereka** tidak terlibat dalam pergaduhan itu.

Contoh (9) memperlihatkan penggunaan kata ganti nama **mereka** (dalam ayat (9b)) yang mempunyai bentuk jamak dan merujuk secara anaforik kepada kata nama **orang yang masih ditahan** (dalam ayat (9a)). Rujukan anaforik ini adalah kohesif kerana ia mewujudkan satu ikatan dengan bahagian teks sebelumnya.

6.1.1.4 Kata Ganti Nama Diri Tanya

Kata ganti nama diri tanya **apa**, **mana** dan **siapa** yang bersifat anaforik tidak ditemui dalam korpus.

6.1.1.2 Rujukan Penunjuk

Rujukan penunjuk yang terdapat dalam korpus yang dianalisis ialah kata ganti nama **ini** dan **itu**. Di bawah ialah beberapa contoh rujukan anafora yang menggunakan kata ganti nama **ini** dan **itu**.

(1) Kata Ganti Nama Penunjuk : Ini dan Itu

(10) TB 199

(a) "Saya mengikuti perkembangan **kontroversi** (b) **ini** dari seberang laut dan sentiasa mendapat maklumat balas daripada masyarakat dan pemimpin. Jurangnya kini besar dan semakin luas dan sebagai seorang pemimpin parti, saya berpendapat ia kurang menyenangkan," katanya.

(10a) Saya mengikuti perkembangan **kontroversi**.

(10b) **ini** dari seberang laut ...

(11) TU 033

Sumber-sumber memberitahu Utusan, mesyuarat biro tersebut di Seri Perdana, Putrajaya semalam ada membincangkan secara umum (a) beberapa harapan UMNO yang wajar diteliti oleh Pas selepas parti (b) itu mengumumkan tuntutan-tuntutannya, kelmarin.

(11a) beberapa harapan UMNO yang wajar diteliti oleh Pas selepas parti

(11b) **itu** mengumumkan tuntutan-tuntutannya, kelmarin

Contoh (10) dan (11) memperlihatkan penggunaan kata ganti nama penunjuk **ini** dan **itu** yang berfungsi sebagai penentu belakang. Dalam contoh (10), kata ganti nama penunjuk **ini** (dalam ayat (10b)) merujuk secara anafora kepada kata nama am **kontroversi** (dalam ayat (10a)) yang dinyatakan sebelumnya. Dalam contoh (11), kata ganti nama penunjuk **itu** (dalam ayat (11b)) merujuk kepada parti dalam ayat (11a) yang dinyatakan dalam teks tersebut. Walau bagaimanapun kata ganti nama ini tidak kohesif kerana ia terdapat dalam satu klausa yang sama.

(12) TB 160

Sementara itu, mengenai dakwaan (a) ada ahli Umno di **negeri** (b) **ini** terbabit dalam permohonan injunksi menghalang Yang di-Pertuan Negeri melantik Datuk Chong Kah Kiat, sebagai Ketua Menteri Sabah, Khamis lalu, Khalil berkata pihaknya akan mendapat laporan daripada Badan Perhubungan Umno negeri terlebih dahulu.

(12a) ... ada ahli Umno di **negeri** ...

(12b) **ini** terbabit dalam permohonan ...

(13) TU 007

Penolakan Keadilan itu secara tidak langsung menjelaskan usaha menyatukan semula orang Melayu selepas Pas mengumumkan kesediaannya kelmarin untuk menyertai perbincangan yang melibatkan parti pemerintah dan (a) parti pembangkang Melayu **negara** (b) **ini**.

(13a) parti pembangkang Melayu **negara** ...

(13b) **ini**.

Contoh (12) dan (13) memperlihatkan penggunaan kata ganti nama penunjuk **ini** yang digunakan bagi merujuk konteks geografi sesuatu berita itu dilaporkan. Jika peristiwa berita itu berlaku di tempat atau negeri berita itu ditulis, oleh itu terdapat ungkapan seperti **negeri ini** dan **negara ini**. Dalam contoh di atas kata ganti nama penunjuk **ini** (dalam ayat (12b) dan (13b)) merujuk secara anaforik kepada kata nama **negeri** (dalam ayat (12a)) dan **negara** (dalam ayat (13a)) berlakunya berita tersebut. Ini menunjukkan terdapat keselarasan konteks geografi berlakunya peristiwa tersebut dengan konteks geografi laporan ditulis. Dalam contoh ini juga memperlihatkan rujukan yang tidak kohesif kerana rujukan tersebut terdapat pada satu klausa yang sama.

(14) TB 175

“Saya sudah nyatakan bahawa ISA tidak akan digunakan terhadap pembangkang, tetapi kebetulan mereka terdiri daripada ahli Keadilan,” (a) katanya selepas merasmikan Seminar Peluang-Peluang Perniagaan Dalam Kumpulan MRCB, di sini **hari** (b) **ini**.

(14a) katanya selepas merasmikan Seminar Peluang-Peluang Perniagaan Dalam Kumpulan MRCB, di sini **hari**

(14b) **ini**.

(15) TU 051

Bagaimanapun, (a) ketika ditanya oleh Utusan di sini **petang** (b) **ini** sama ada Pas bersetuju membincangkan empat agenda tersebut, beliau menegaskan tiga prasyarat yang dikemukakan parti itu mestilah dipenuhi terlebih dahulu.

(15a) ketika ditanya oleh Utusan di sini **petang** ...

(15b) **ini**.

Dalam contoh (14) dan (15) terdapat ungkapan **hari ini** dan **petang ini** yang menunjukkan konteks waktu berita dilaporkan. Dalam penulisan berita adalah menjadi satu format yang standard meletakkan nama tempat dan hari sesudah tajuk berita. Dalam contoh di atas kata ganti nama penunjuk **ini** merujuk kepada hari dan waktu berita itu dilaporkan, namun ia tidak kohesif kerana tidak wujud tautan pada satu klausa yang sama.

(16) TU 091

Dalam pada itu, (a) beliau berkata, pihak yang membuat aduan perlu mengemukakan bukti kukuh termasuk saksi bagi membolehkan Lembaga Disiplin mempertimbangkan kes mereka.

(b) “Ini tugas mereka (yang membuat aduan) sebagai sokongan kepada aduan mereka. Kalau tidak ada bukti kukuh, sukar untuk kita mendengar,” jelasnya.

- (16a) beliau berkata, pihak yang membuat aduan perlu **mengemukakan bukti kukuh termasuk saksi** bagi membolehkan Lembaga Disiplin mempertimbangkan kes mereka.
- (16b) **Ini** tugas mereka (yang membuat aduan) sebagai sokongan kepada aduan mereka.

Menurut Asmah (1987: 58), rujukan dengan **ini** seperti dalam contoh

(16) boleh juga merupakan rujukan sipi, yakni yang konsepnya tersimpul dalam frasa kerja atau frasa sifat, bukan frasa nama. Oleh itu, dalam contoh tersebut, kata ganti nama **ini** (dalam ayat (16b)) merujuk kepada frasa kerja **perlu mengemukakan bukti** yang terdapat dalam ayat (16a). Rujukan penunjuk **ini** dalam ayat (16) di atas adalah kohesif kerana ia mentautkan dua ayat yang berlainan dari segi maksud yang hendak disampaikan.

(17) TU 004

Abdullah berkata, (a) yang penting ialah adanya **penyelesaian yang dapat diterima oleh kedua-dua pihak**.

(b) "Itu yang penting dan penyelesaian itu mestilah menepati dengan apa yang dihasrat oleh rakyat supaya perbalahan diberhentikan dan faktor-faktor penting yang ada hubung kait dengan kedudukan bumiputera dalam perlumbagaan dan hak istimewa itu diambil kira," tambah beliau.

- (17a) yang penting ialah adanya **penyelesaian yang dapat diterima oleh kedua-dua pihak**.
- (17b) **Itu** yang penting ...

Dalam petikan (17) di atas, kata ganti nama penunjuk **itu** (dalam ayat (17b)) merujuk kapada frasa kerja **penyelesaian yang dapat diterima oleh kedua-dua pihak** yang terdapat dalam ayat (17a). Ia juga merupakan rujukan sipi yang konsepnya tersimpul dalam frasa kerja. Rujukan penunjuk **itu** dalam ayat (17) di

atas adalah kohesif kerana ia mentautkan dua ayat yang berlainan dari segi maksud yang hendak disampaikan.

6.1.1.3 Rujukan Perbandingan

Rujukan perbandingan yang terdapat dalam korpus yang dianalisis ialah **lain, lebih dan sama**. Di bawah ialah beberapa contoh rujukan anafora yang menggunakan kata perbandingan **lain, lebih dan sama**.

(1) Kata Perbandingan : Lain

(18) TU 042

Tegas beliau, Najib perlu mendapatkan laporan lengkap mengenai (a) ketidakhadiran **beberapa anggota Exco** (b) yang **lain** dalam program Pemuda Masuk Kampung yang diadakan di Dungun, Terengganu sejak 24 Februari lalu sebelum mengeluarkan kenyataan yang boleh menyinggung (c) **pihak lain**.

(18a) ketidakhadiran **beberapa anggota Exco**.

(18b) yang **lain** dalam program Pemuda Masuk Kampung ...

(18c) **pihak lain**.

Kata perbandingan **lain** dalam contoh petikan berita di atas (dalam ayat (18b) dan (18c)) adalah merujuk secara anaforik kepada frasa nama **beberapa anggota Exco** (dalam ayat (18a)) dan **pihak** (dalam ayat (18c)). Dalam ayat ini, kata perbandingan **lain** adalah tidak kohesif kerana ia merujuk pada unsur dalam satu klausa yang sama.

(2) Kata Perbandingan : Lebih

(19) TU 008

Kelmarin, Pas mengumumkan kesediaannya untuk menyertai perbincangan bersejarah itu dengan mencadangkan supaya (a) skop perbincangan diperluaskan kepada **persoalan-persoalan** (b) yang **lebih** menyeluruh tanpa terhad kepada isu penyatuan Melayu.

(19a) skop perbincangan diperluaskan kepada **persoalan-persoalan**.

(19b) yang **lebih** menyeluruh tanpa terhad kepada isu penyatuan Melayu.

Kata perbandingan **lebih** dalam contoh petikan berita di atas (dalam ayat (19b)) adalah merujuk secara anaforik kepada **persoalan-persoalan** untuk **skop perbincangan** (dalam ayat (19a)). **Lebih** di sini merupakan perbandingan dari segi kualiti. Dalam ayat ini, kata perbandingan **lebih** adalah tidak kohesif kerana ia merujuk pada satu klausa yang sama.

(3) Kata Perbandingan : Sama

(20) TB 147

Amaran itu berikutan laporan bahawa (a) Estrada beberapa kali cuba menemui Duta Thailand di Manila untuk **mendapatkan perlindungan** (b) dan membuat permintaan **yang sama** kepada beberapa negara Asean serta Amerika Syarikat.

(20a) Estrada beberapa kali cuba menemui Duta Thailand di Manila untuk **mendapatkan perlindungan**.

(20b) dan membuat permintaan **yang sama** kepada beberapa negara Asean serta Amerika Syarikat.

Kata perbandingan **sama** dalam ayat (20a) di atas adalah merujuk secara anaforik kepada **mendapatkan perlindungan** yang terdapat dalam ayat (20b). Perbandingan ini lebih kepada kuantiti daripada kualiti. Dalam ayat ini, kata

perbandingan **sama** adalah tidak kohesif kerana ia merujuk pada satu klausa yang sama.

6.1.2 Rujukan Katafora

Sekiranya dalam rujukan anafora, rujukan itu berlaku arah ke belakang, sebaliknya dalam rujukan katafora, ia berlaku arah ke hadapan iaitu ke arah yang berlawanan. Gutwinski (1976: 62) menyatakan, "cataphora may be seen as the reverse of anaphora (or its complement), as it points forwards in the text".

Menurut Halliday dan Hasan, sesuatu rujukan itu akan bersifat kohesif sekiranya ia menyatukan satu bahagian dengan bahagian yang lain bagi membentuk teks. Rujukan katafora boleh bersifat kohesif jika ia berfungsi secara demikian tetapi rujukan tersebut tidak kohesif sekiranya perkara yang dirujuk itu dan gantinama yang merujuk perkara tersebut terdapat dalam klausa yang sama. Ini ditegaskan oleh Halliday dan Hasan (1976: 56) seperti berikut : "personals are normally cataphoric only within a structural framework, and therefore do not contribute to the cohesion of the text. The reference is within the sentence, and is determined by the structure of the sentence".

Dalam wacana berita politik yang dikaji, rujukan katafora ini boleh dilihat pada penggunaan rujukan diri, rujukan penunjuk dan rujukan perbandingan. Di bawah ialah beberapa contoh rujukan katafora yang menggunakan rujukan diri, rujukan penunjuk dan rujukan perbandingan.

6.1.2.1 Rujukan Diri

Rujukan diri yang ditemui dalam korpus ialah kata ganti nama diri orang pertama, kata ganti nama diri orang kedua, kata ganti nama diri orang ketiga dan kata ganti nama diri tanya.

6.1.2.1.1 Kata Ganti Nama Diri Orang Pertama

Kata Ganti nama diri orang pertama yang ditemui dalam korpus ialah **saya, kami dan kita.**

(1) Kata Ganti Nama Diri : Saya

(21) TB 198

(a) “Saya harap Megawati terima, jika tidak saya terpaksa keluarkan pengisytiharaan,” (b) kata **presiden**, yang kini menerima tekanan berat supaya segera meletak jawatan.

(21a) Saya harap Megawati terima, jika tidak saya terpaksa keluarkan pengisytiharaan,”

(21b) kata **presiden**...

Dalam contoh (21), kata ganti nama diri orang pertama iaitu **saya** (dalam ayat (21a)) merujuk ke hadapan kepada kata nama am **presiden** (dalam ayat (21b)). Kata Ganti nama **saya** tersebut yang merujuk secara kataforik kebiasaannya terdapat dalam petikan yang mengandungi cakap ajuk. Kata ganti nama **saya** dalam contoh ini tidak kohesif kerana **saya** yang merujuk kepada **presiden** terdapat dalam klausa yang sama.

(2) Kata Ganti Nama Diri : Kami

(22) TB 194

(a) “**Kami** (b) **bekas ahli Akar** berterima kasih kepada Dr. Mahathir kerana kebenaran serta keistimewaan khas diberikan kepada Cina dan Sino untuk menyertai Umno.

(22a) **Kami**.

(22b) **bekas ahli Akar** berterima kasih ...

Kami dalam ayat (22a) di atas merujuk secara kataforik kepada frasa nama **bekas ahli Akar** (dalam ayat (22b)). Kata ganti nama **kami** dalam contoh ini tidak kohesif kerana **kami** yang merujuk kepada **bekas ahli Akar** terdapat dalam klausa yang sama.

(2) Kata Ganti Nama Diri : Kita

(23) TU 047

(a) “**Kita** (b) **(UMNO)** tak nak minta ganti rugi, Cuma nak bincang soal perpaduan sahaja,” kata Dr. Mahathir sambil mengulangi bahawa perpaduan yang dimaksudkannya itu adalah perpaduan Melayu.

(23a) “**Kita** .

(23b) **(UMNO)** tak nak minta ganti rugi ...

Kita dalam ayat (23a) di atas terdapat dalam petikan cakap ajuk dan merujuk secara kataforik kepada kata nama khas, **UMNO** (dalam ayat (23b)). Dalam bahasa Melayu, **kita** merupakan kata ganti nama diri orang pertama untuk bilangan ramai. Kata ganti nama **kita** dalam contoh ini tidak kohesif kerana **kita** yang merujuk kepada **UMNO** terdapat dalam klausa yang sama.

6.1.2.1.2 Kata Ganti Nama Diri Orang Kedua

Kata Ganti nama diri orang kedua yang ditemui dalam korpus yang dianalisis ialah **tuan-tuan**. Kata Ganti nama diri **kamu** tidak ditemui. Kata Ganti nama diri orang kedua **tuan-tuan** tidak dimasukkan dalam analisis taburan kekerapan kerana taburan kehadirannya amatlah sedikit iaitu hanya sebanyak satu kali sahaja. Walau bagaimanapun, ia digunakan dalam contoh analisis rujukan ini kerana ia didapati hadir dalam teks berita yang dikaji. Kata Ganti nama diri orang kedua ini didapati tidak kohesif dan merupakan rujukan katafora apabila ia terdapat dalam petikan cakap ajuk. Contoh penggunaan kata ganti nama diri orang kedua iaitu **tuan-tuan** adalah seperti berikut:

(1) Kata Ganti Nama Diri : Tuan-tuan

(24) TU 080

(a) “**Tuan-tuan** (b) (**ahli-ahli Umno**) mempunyai tanggungjawab berat bukan kepada parti, pemimpin tetapi kepada agama,bangsa dan negara,” katanya.

(24a) **Tuan-tuan**.

(24b) (**ahli-ahli Umno**) mempunyai tanggungjawab berat ...

Tuan-tuan dalam contoh ayat (24a) merujuk kepada frasa nama **ahli-ahli Umno** yang terdapat sesudahnya dalam ayat (24b). Adalah menjadi kebiasaan dalam teks berita untuk meletakkan perkara yang dirujuk dalam kurungan. Penulisan itu dilakukan sebegini kerana untuk tujuan menjelaskan apa dan siapa yang dirujuk itu bagi mengelakkan kekaburuan. Kata ganti nama **tuan-tuan** dalam contoh ini tidak kohesif kerana **tuan-tuan** yang merujuk kepada **ahli-ahli Umno** terdapat dalam klausa yang sama.

6.1.2.1.3 Kata Ganti Nama Diri Orang Ketiga

Kata ganti nama diri orang ketiga, dalam wacana berita politik didapati bersifat kataforik. Kata ganti nama diri orang ketiga yang ditemui ialah **dia**, **ia**, **-nya**, **beliau**, dan **mereka**. Kata ganti nama diri orang ketiga dalam teks yang dianalisis adalah tidak kohesif. Rujukan katafora kata ganti nama diri orang ketiga ini dapat dilihat pada contoh petikan di bawah :

(1) Kata Ganti Nama Diri : Dia

(25) TB 110

(a) “**Dia** (b) (**Abdul Hamid**) letak jawatan tetapi saya berpendapat bahawa Datuk Hamid masih boleh menyumbang kepada kerajaan, mungkin dalam bidang atau jawatan lain,” katanya.

(25a) **Dia**.

(25b) (**Abdul Hamid**) letak jawatan...

Kata ganti nama diri orang ketiga, **dia** dalam contoh ayat (25a) merujuk butiran selepasnya iaitu kata nama khas **Abdul Hamid** (dalam ayat (25b). **Dia** dan **Abdul Hamid** merupakan rujukan orang yang sama. Dengan analisis ini dapat disangkal pendapat Harimurti (1978:42) yang menyatakan "pronomina persona ketiga iaitu **ia** atau **dia** tidak pernah bersifat kataforis". Sato (1991: 63), dalam analisisnya terhadap teks *Hikayat Hang Tuah*, menyatakan terdapat kata ganti nama diri ketiga **dia** dan **ia** yang digunakan untuk merujuk secara kataforik kepada sesuatu unsur yang serujukan. Dengan ini, dapat disimpulkan bahawa kata ganti nama diri orang ketiga, dia boleh bersifat kataforik. Walau bagaimapun, kata ganti

nama **dia** dalam contoh ini tidak kohesif kerana **dia** yang merujuk kepada **Abdul Hamid** terdapat dalam klausa yang sama.

(26) TU 044

(a) “**Dia** (b) (**Keadilan**) tengok apa berlaku di negara jiran, (c) **dia** macam seronok tengok huru-hara, pembunuhan orang Islam dan Kristian, Dayak dan Madura, **dia** merasa kecewa kerana tiada pembunuhan di Malaysia.

(26a) **Dia**.

(26b) (**Keadilan**) tengok apa berlaku di negara jiran ...

(26c) **dia** macam seronok , **dia** merasa kecewa

Kata ganti nama diri orang ketiga, **dia** dalam ayat (26a) merujuk secara kataforik kepada **Parti Keadilan** dalam ayat (26b). Dalam contoh ini, **dia** bukan bersifat manusia tetapi sesuatu yang abstrak. Mengikut Asmah (1987: 52), kata ganti nama **dia** tidak digunakan dalam laporan akhbar disebabkan **dia** memberi suasana komunikasi bersahaja (tak formal), sedangkan bahasa laporan berita mewakili salah satu jenis bahasa tak bersahaja (formal). Pendapat Asmah ini tidak dapat diterima kerana daripada kajian ini terbukti kata ganti nama diri orang ketiga **dia** digunakan secara anaforik dan juga kataforik. Malahan daripada analisis taburan kekerapan, didapati **dia** hadir sebanyak 120 kali atau 0.13 peratus. Kata ganti nama diri orang ketiga, **dia** dalam ayat (26c) merujuk secara anaforik kepada **Parti Keadilan** dalam ayat (26b). Dengan itu, dalam contoh (26) di atas terdapat dua jenis rujukan yang berlaku iaitu rujukan anaforik dan kataforik. Kata ganti nama **dia** dalam contoh ini tidak kohesif kerana **dia** yang merujuk kepada **Parti Keadilan** terdapat dalam klausa yang sama.

(2) Kata Ganti Nama Diri : ia

(27) TU 097

“Bagi saya, (a) ia (b) (**kenyataan Dr. Mahathir**) merupakan manifestasi kekecewaan Perdana Menteri terhadap politik wang,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO bahagian Tenggara, Johor hari ini.

(27a) ia.

(27b) (**kenyataan Dr. Mahathir**) merupakan manifestasi ...

Contoh (27) di atas, memaparkan penggunaan kata ganti nama diri orang ketiga ia (dalam ayat (27a)) yang merujuk secara kataforik kepada **kenyataan Dr. Mahathir** (dalam ayat (27b)). Ia dalam konteks ini merujuk kepada sesuatu yang abstrak. Kata ganti nama ia dalam contoh ini tidak kohesif kerana ia yang merujuk kepada **kenyataan Dr. Mahathir** terdapat dalam klausa yang sama.

Pengamatan pada contoh (25, 26 dan 27), mendapati kebanyakan kata ganti nama orang ketiga dia dan ia dalam wacana berita menjadi rujukan katafora apabila perkara yang dirujuknya dinyatakan dalam kurungan yang diletakkan bersebelahan dengan kata ganti nama tersebut. Memandangkan akhbar sendiri menggunakan peringatan rujukan di dalam kurungan, oleh itu rujukan tersebut dinyatakan dalam kurungan bertujuan sebagai rujukan.

(3) Kata Ganti Nama Diri : -Nya

(28) TB 182

(a) Diminta mengulas ucapannya yang menyebut ada calon Umno di bahagian tertentu menggunakan ahli pembangkang untuk menyokong mereka, (b) **Dr. Mahathir** berkata;

(28a) Diminta mengulas ucapannya ...

(28b) Dr. Mahathir berkata;

Kata ganti nama diri -nya dalam petikan ayat (28a) di atas merujuk kepada frasa nama yang dinyatakan selepas kata ganti nama tersebut. -Nya di sini merujuk kepada Dr. Mahathir (dalam ayat (28b)). Tautan teks tidak berhasil daripada rujukan katafora ini kerana kata ganti nama diri -nya dalam contoh ini yang merujuk kepada Dr. Mahathir terdapat dalam klausa yang sama.

(4) Kata Ganti Nama Diri : Beliau

(29) TB 156

(a) Sambil mengesahkan beliau akan menyandang jawatan itu selama dua tahun, (b) Chong yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kudat, melahirkan harapan wakil Umno akan mengambil alih tempatnya apabila tempohnya berakhir nanti iaitu sekitar Mac 2003.

(29a) Sambil mengesahkan beliau akan menyandang jawatan itu ...

(29b) Chong yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kudat, ...

Dalam contoh (29), kata ganti nama diri orang ketiga iaitu beliau (dalam ayat (29a)) merujuk secara kataforik kepada frasa nama Chong dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kudat yang terdapat dalam ayat (29b). Tautan teks tidak berhasil daripada rujukan katafora ini kerana kata ganti nama diri beliau dalam contoh ini yang merujuk kepada Chong dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kudat terdapat dalam klausa yang sama.

(5) Kata Ganti Nama Diri : Mereka

(30) TU 084

Beliau berkata demikian sebagai mengulas penangkapan tujuh aktivis reformasi di bawah Seksyen 73(1) ISA, semalam dan kelmarin.

(a) **Mereka** (b) ialah **Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional (Keadilan)**, Mohamad Ezam Mohd. Noor, 34; Naib Presiden Keadilan, Chua Tian Chang (Tian Chua), 37; Hishamuddin Rais, 50; Saari Sungib, 43; N. Gobala Krishnan, 41; Raja Petra Raja Kamarudin, 49; dan Abdul Ghani Haroon, 36.

(30a) **Mereka**.

(30b) **Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional (Keadilan)**, Mohamad Ezam Mohd. Noor, 34; Naib Presiden Keadilan, Chua Tian Chang (Tian Chua), 37; Hishamuddin Rais, 50; Saari Sungib, 43; N. Gobala Krishnan, 41; Raja Petra Raja Kamarudin, 49; dan Abdul Ghani Haroon, 36.

Dalam contoh (30) di atas, kata ganti nama diri orang ketiga iaitu **mereka** (dalam ayat (30a)) merujuk secara kataforik kepada **Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional (Keadilan)**, **Mohamad Ezam Mohd. Noor, 34**; **Naib Presiden Keadilan, Chua Tian Chang (Tian Chua), 37**; **Hishamuddin Rais, 50**; **Saari Sungib, 43**; **N. Gobala Krishnan, 41**; **Raja Petra Raja Kamarudin, 49**; dan **Abdul Ghani Haroon, 36** yang terdapat dalam ayat (30b). Dalam contoh ini juga rujukan katafora tidak kohesif.

6.1.2.1.4 Kata Ganti Nama Diri Tanya

Kata ganti nama diri tanya yang bersifat katafora dalam korpus yang dikaji ialah **apa**, **siapa** dan **mana**.

(1) Kata Ganti Nama Diri Tanya : Apa dan Siapa

(31) TU 038

(a) Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut **apa** dan **siapa** (b) yang dimaksudkan berkaitan ‘**personaliti**’ tersebut.

(31a) Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut **apa** dan **siapa** .

(31b) yang dimaksudkan berkaitan ‘**personaliti**’ tersebut.

Dalam contoh (31) di atas, terdapat dua kata ganti nama diri tanya iaitu **apa** dan **siapa** (dalam ayat (31a)) yang merujuk kepada **personaliti** (dalam ayat (31b)). Fungsi dua kata ganti nama diri tanya tersebut ialah untuk mendapatkan kepastian diri individu yang diperkatakan. Tautan teks tidak terhasil daripada rujukan katafora ini kerana kata ganti nama diri tanya **apa** dan **siapa** dalam contoh ini yang merujuk kepada **personaliti** terdapat dalam klausa yang sama.

(2) Kata Ganti Nama Diri Tanya : Mana

(32) TB 125

“Kita jangan terpengaruh bagi mengeruhkan keadaan ... (a) isu itu ‘kemuncup’ saja **yang mana** (b) kita boleh pijak dan buang dengan mudah. Usahlah pedulikan perkara itu dan kita kena menganggap perjuangan utama Pas sebenarnya ialah menentang Barisan Nasional (BN), khususnya Umno,” katanya.

(32a) isu itu ‘kemuncup’ saja **yang mana**

(32b) **kita boleh pijak dan buang dengan mudah**

Dalam contoh (32) ini, kata ganti nama diri tanya **yang mana** (dalam ayat (32a)) adalah contoh kata ganti nama tanya yang gugur ciri pertanyaan apabila

ia digunakan dalam ayat berlapis (Asmah, 1986: 86). Kata ganti nama **yang mana** ini merujuk kepada **kita boleh pijak dan buang dengan mudah** (dalam ayat (32b)) yakni tindakan yang boleh diambil bagi mengatasi isu yang diperkatakan. Tautan teks tidak berhasil daripada rujukan katafora ini kerana kata ganti nama diri **yang mana** dalam contoh ini yang merujuk kepada **kita boleh pijak dan buang dengan mudah** terdapat dalam klausa yang sama.

6.1.2.2 .. Rujukan Penunjuk

Rujukan penunjuk yang terdapat dalam korpus yang dianalisis ialah **ini** dan **itu**. Di bawah ialah beberapa contoh rujukan katafora yang menggunakan kata penunjuk **ini** dan **itu**.

(1) Kata Penunjuk : **Ini**

(33) TU 014

(a) “**Ini** (b) **satu tanggapan yang cukup serius** kerana di sini kerajaan Melayu, kuasa juga Melayu, tenaga yang nak membantu juga orang Melayu, kepakaran pun orang Melayu, tetapi orang Melayu tarafnya lebih rendah dari sana,” katanya di sini hari ini.

(33a) **Ini**.

(33b) **satu tanggapan yang cukup serius**

Dalam contoh (33) kata penunjuk **ini** (dalam ayat (33a)) merujuk secara kataforik kepada klausa **satu tanggapan yang cukup serius** yang terdapat dalam ayat (33b) dan didapati tidak kohesif kerana terdapat pada klausa yang sama.

(34) TB 140

(a) "Itulah (b) **sebabnya Umno menerima syarat awal Pas** seperti membincangkan isu Datuk Seri Anwar Ibrahim dan dakwaan kononnya wujud penyelewengan dalam pentadbiran kerajaan dan tidak menghadkannya kepada isu perpaduan orang Melayu.

(34a) Itulah.

(34b) **sebabnya Umno menerima syarat awal Pas**

Dalam contoh (34) kata penunjuk itu (dalam ayat (34a)) merujuk secara kataforik kepada klausa **sebabnya Umno menerima syarat awal Pas** yang terdapat dalam ayat (34b). Tautan teks tidak berhasil daripada rujukan katafora ini kerana kata penunjuk ini dalam contoh ini yang merujuk kepada **sebabnya Umno menerima syarat awal Pas**terdapat dalam klausa yang sama.

6.1.2.3 Rujukan Perbandingan

Rujukan perbandingan yang terdapat dalam korpus yang dianalisis ialah **lain, lebih dan sama**. Di bawah ialah beberapa contoh rujukan katafora yang menggunakan kata perbandingan **lain, lebih dan sama**.

(1) Kata Perbandingan : Lain

(33) TU 010

(a) Presiden Umno itu menegaskan, parti itu tidak mempunyai niat **lain** dalam perbincangan tersebut selain (b) **mahu mencari kata sepakat bagi mengelakkan orang Melayu berpecah-belah.**

(33a) Presiden Umno itu menegaskan, parti itu tidak mempunyai niat **lain** dalam perbincangan tersebut **selain**.

(33b) **mahu mencari kata sepakat bagi mengelakkan orang Melayu berpecah-belah.**

Kata perbandingan **lain** dalam contoh ayat (33a) merujuk secara kataforik kepada frasa kerja **mahu mencari kata sepakat bagi mengelakkan orang Melayu berpecah-belah** (dalam ayat (33b)). **Lain** di sini bermaksud tidak ada niat di sebaliknya daripada niat yang dinyatakan dalam ayat tersebut. Kata perbandingan **lain** ini tidak bersifat kohesif.

(2) Kata Perbandingan : Lebih

(34) TU 041 ..

Beliau berkata, kekurangan sambutan itu mungkin disebabkan promosi yang kurang meluas di samping (a) masyarakat lebih (b) selesa melaksanakan upacara korban bersama keluarga masing-masing di kawasan mereka.

(34a) masyarakat lebih.

(34b) selesa melaksanakan upacara korban bersama keluarga masing-masing dikawasan mereka.

Kata perbandingan **lebih** dalam ayat (34a) merujuk secara kataforik kepada frasa kerja **selesa melaksanakan upacara korban bersama keluarga masing-masing di kawasan mereka** (dalam ayat (34b)). **Lebih** mewujudkan hubungan katafora dengan ayat selepas perkataan tersebut. Tautan teks tidak terhasil daripada rujukan katafora ini kerana kata perbandingan **lebih** dalam contoh ini yang merujuk kepada **selesa melaksanakan upacara korban bersama keluarga masing-masing di kawasan mereka** terdapat dalam klausa yang sama.

(3) Kata Perbandingan : Sama

(35) TB 131

(a) Hadir sama (b) isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Endon Mahmud; Presiden IPF, Datuk MG Pandithan; Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik; Setiausaha Agung MCA, Datuk Dr. Ting Chew Peh dan Setiausaha Agung MIC, S Sothnathan.

(35a) Hadir sama.

(35b) isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Endon Mahmud; Presiden IPF, Datuk MG Pandithan; Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik; Setiausaha Agung MCA, Datuk Dr. Ting Chew Peh dan Setiausaha Agung MIC, S Sothnathan.

Kata perbandingan **sama** dalam ayat (35a) merujuk secara kataforik kepada frasa nama **isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Endon Mahmud; Presiden IPF, Datuk MG Pandithan; Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik; Setiausaha Agung MCA, Datuk Dr. Ting Chew Peh dan Setiausaha Agung MIC, S Sothnathan** (dalam ayat (35b)). Tidak terdapat tautan dalam ayat tersebut kerana rujukan kataforiknya tidak kohesif disebabkan terdapat dalam klausa yang sama.

Analisis kohesi rujukan yang dijalankan terhadap wacana berita memperlihatkan dua (2) bentuk dapatan. Pertama, arah rujukan yang bersifat anafora boleh menghasilkan teks yang kohesif dan tidak kohesif. Merujuk pada **rujukan diri**, didapati kata ganti nama diri orang pertama dan kata ganti nama diri orang kedua adalah kohesif apabila ia digunakan dalam petikan cakap ajuk, manakala kata ganti nama diri orang ketiga boleh bersifat kohesif walaupun tidak digunakan dalam petikan cakap ajuk. Kata ganti nama diri tanya yang bersifat anaforik tidak ditemui dalam korpus. Merujuk pada **rujukan penunjuk**, didapati rujukan ini yang fungsinya sebagai penentu adalah tidak kohesif walaupun bersifat anafora kerana ia terdapat dalam satu klausa yang sama. Namun terdapat rujukan penunjuk yang kohesif walaupun ia bersifat anafora. Merujuk pada **rujukan perbandingan**, didapati rujukan ini tidak kohesif walaupun bersifat anafora.

Kedua, arah rujukan yang bersifat katafora dalam teks yang dikaji didapati menghasilkan teks yang tidak kohesif. Kesemua rujukan yang dikaji, iaitu rujukan diri, rujukan penunjuk dan rujukan perbandingan adalah tidak kohesif kerana kesemua rujukan tersebut merujuk kepada perkara dan entiti yang terdapat pada klausa yang sama, yang bagi Halliday dan Hasan adalah tidak kohesif.

Dalam bab ini telah dihuraikan analisis kohesi rujukan dan dalam Bab 7 seterusnya akan dibincangkan analisis kohesi kata hubung dalam wacana berita politik.